



## Tahap kebolehpasaran graduan TVET cecah 98.7 peratus, lebih tinggi purata kebangsaan - Zahid

Oleh **Essa Abu Yamin** - Februari 2, 2025 @ 12:30pm  
essabuyamin@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika sesi Podcast Utama Buletin TV3 di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur. - NSTP/Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata tahap kebolehpasaran graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mencatat kadar tinggi dengan institusi di bawah MARA merekodkan tahap 98.7 peratus, melepas purata kebolehpasaran kebangsaan 94.5 peratus.

Justeru, beliau berkata kerajaan akan terus memperkuuh penawaran dalam bidang TVET bagi memastikan peranannya kekal sebagai pamacu utama pembangunan tenaga kerja di Malaysia.

"Kebolehpasaran graduan TVET sangat tinggi. Purata kebangsaan adalah 94.5 peratus, manakala institusi di bawah MARA mencatatkan kadar lebih tinggi iaitu 98.7 peratus.

"Ramai pelajar (jurusan TVET) memperoleh pekerjaan sebelum mereka menamatkan pengajian," katanya ketika menjadi tetamu undangan dalam Podcast Utama Buletin TV3.

Program itu yang disiarkan hari ini dihoskan Halim Mohamed dan Azaria Tagaya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata sistem TVET yang semakin berkembang sebagai alternatif transformatif bagi pelajar, terbukti menyediakan laluan terancang ke arah pekerjaan serta pendidikan tinggi.

Untuk itu, katanya kerajaan mempertingkat pelaburan dalam sektor TVET secara signifikan, dengan peruntukan RM7.5 bilion disediakan untuk tahun ini berbanding RM6.8 bilion pada tahun lalu.

"Dana itu menyokong program TVET merentasi 12 kementerian, membabitkan 1,398 institusi di seluruh negara.

"Ia perubahan kritikal dalam ekosistem pendidikan kita, yang bergerak melangkaui laluan akademik konvensional kepada pembangunan kemahiran berdasarkan industri," katanya.

Ahmad Zahid menjelaskan, kerangka baharu TVET menggabungkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta menawarkan kelayakan alternatif setaraf kelayakan tradisional.

"Institusi TVET menganugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), di mana Tahap 3 diiktiraf setaraf dengan SPM, manakala Tahap 5 menyamai diploma.

"Ini memastikan pelajar yang tidak mengikuti laluan akademik konvensional masih mempunyai prospek kerjaya yang cerah," katanya.

Ahmad Zahid berkata, enam universiti TVET beroperasi di seluruh negara termasuk Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang menawarkan peluang pendidikan tinggi bagi pelajar yang ingin mendalami kepakaran teknikal.

Ditanya mengenai isu 10,162 pelajar yang mendaftar untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 tetapi tidak mendudukinya, beliau menegaskan TVET kekal sebagai pilihan bagi pelajar berkenaan untuk mendapatkan kelayakan dan memasuki pasaran kerja.

Dalam pada itu, beliau menepis persepsi bahawa TVET hanya untuk pelajar yang lemah dalam akademik, sambil menegaskan graduan TVET sering memperoleh gaji lebih tinggi berbanding pemegang ijazah kerana kemahiran khusus yang dimiliki.

"TVET memberi keutamaan kepada pembelajaran berdasarkan kemahiran yang terus diterjemahkan kepada produktiviti."

"Majikan menghargai kecekapan dan inilah sebabnya graduan TVET mendapat permintaan tinggi," katanya.